

## Perakaunan Kreatif dan Lembaga Tabung Haji Malaysia

MOHAMAD SOFUAN BIN MOHAMAD SALEH  
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)  
msofuan@kuis.edu.my

### ABSTRAK

Perakaunan kreatif adalah suatu teknik perakaunan kewangan yang tidak beretika apabila pihak pengurusan sesebuah organisasi berpakat dan bersubahat (*collusion*) sesama mereka untuk menyembunyikan maklumat kewangan yang benar, sebaliknya menghebahkan maklumat kewangan yang salah sebagai benar. Konspirasi pakatan dan persubahatan tersebut menyebabkan berlakunya penyelewengan (*misstatement*) dan mengelirukan (*misleading*) maklumat kewangan dalam laporan kewangan sesebuah organisasi. Walau bagaimanapun, perakaunan kreatif ini telah diamalkan di Lembaga Tabung Haji Malaysia dengan tujuan untuk menunjukkan seolah-olah organisasi tersebut menjana keuntungan serta mempunyai kedudukan kewangan yang baik dan kukuh, sedangkan realiti keadaan kewangannya adalah sebaliknya; iaitu mengalami defisit kewangan serta kerugian yang menjejaskan kedudukan kewangannya dengan agak kritikal. Oleh yang demikian, objektif utama kertas kajian ini adalah untuk merungkai perakaunan kreatif yang diamalkan di Lembaga Tabung Haji Malaysia, implikasinya serta langkah-langkah pencegahan yang telah diambil dalam mengatasi masalah pengamalan perakaunan kreatif tersebut. Perbincangan kertas kajian ini diharapkan dapat menjadi panduan kepada pihak Lembaga Tabung Haji Malaysia dan organisasi lain tentang implikasi perakaunan kreatif.

*Kata kunci: Tabung Haji, Perakaunan Kreatif, Maklumat Perakaunan*

## PENGENALAN

### Perakaunan kreatif

Perakaunan kreatif adalah suatu teknik perakaunan kewangan yang tidak beretika apabila pihak pengurusan sesebuah organisasi berpakat dan bersubahat (*collusion*) sesama mereka untuk menyembunyikan maklumat kewangan (*financial information*) yang benar, sebaliknya menghebahkan maklumat kewangan yang salah sebagai benar (Branka *et. al.*, 2018). Konspirasi pakatan dan persubahatan tersebut menyebabkan berlakunya penyelewengan (*misstatement*) dan mengelirukan (*misleading*) maklumat kewangan dalam laporan kewangan sesebuah organisasi (Essien & Ntiedo, 2018). Tujuan utama perakaunan kreatif dilakukan adalah untuk menunjukkan seolah-olah sesebuah organisasi itu menjana keuntungan serta mempunyai kedudukan kewangan yang baik dan kukuh, sedangkan realiti keadaan kewangannya adalah sebaliknya; kedudukan kewangan yang tidak baik dan tidak kukuh, bahkan berkemungkinan mengalami kerugian yang boleh menjejaskan kedudukan kewangannya yang agak kritikal.

Oleh sebab itu, fenomena perakaunan kreatif yang melibatkan *collusion* dalam kalangan pihak pengurusan sesebuah organisasi menyebabkan *misstatement* dan *misleading* maklumat kewangan adalah suatu skandal kewangan yang boleh mengakibatkan implikasi kerosakan kedudukan kewangan (*hurt of financial position*) sesebuah organisasi secara

sistematik dan sukar dikesan (Shahid & Ali, 2016). Implikasi kerosakan kewangan yang sistematik tersebut pada kebiasaannya hanya dapat dikesan apabila audit forensik dijalankan ke atas laporan kewangan sesebuah organisasi (Rabin, 2005). Apabila audit forensik dijalankan ke atas kewangan organisasi tersebut, amalan perakaunan kreatif yang melibatkan *collusion* adalah berkemungkinan besar mampu untuk mengekalkan *misstatement* dan *misleading* maklumat kewangan sesuatu organisasi sampai bila-bila.

### **Aktiviti dan dana pendeposit Tabung Haji**

Objektif utama penubuhan Lembaga Tabung Haji pada tahun 1963 adalah untuk menguruskan pekerjaan haji orang Islam di Malaysia. Lantaran itu, fungsi utama Lembaga Tabung Haji adalah menguruskan hal-hal yang berkaitan dengan urusan-urusan jemaah haji Malaysia yang pergi menunaikan ibadah haji di Mekah; dari sebelum mereka bertolak ke tanah suci, ketika di tanah suci, sehingga mereka kembali semula ke tanah air. Ianya merangkumi hal-hal yang berkaitan kuota haji, kursus ibadah haji, urusan permohonan visa haji, penerbangan haji, pengangkutan ketika di Mekah dan Madinah, makan-minum, penginapan dan kesihatan jemaah haji serta berbagai lagi perkara yang bersangkutan-paut dengan jemaah yang menunaikan fardhu haji<sup>1</sup>.

Selain daripada itu, objektif utama penubuhan Lembaga Tabung Haji juga adalah untuk memudah serta menggalakkan orang Islam menabung untuk tujuan menunaikan ibadah haji di Mekah. Setiap sen simpanan pendeposit di Tabung Haji adalah dijamin sepenuhnya oleh kerajaan<sup>2</sup>. Kerajaan bertanggungjawab membayar sepenuhnya jika berlaku sesuatu terhadap simpanan tersebut. Ini berbeza dengan bank kerana simpanan di bank terhad kepada RM250 ribu sahaja yang dijamin oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM). Kadar dividen (hibah) Tabung Haji yang tinggi diberikan kepada pendepositnya setiap tahun adalah belum termasuk sejumlah amaun yang besar dibelanjakan oleh pihak Tabung Haji untuk membayar zakat simpanan pendeposit Tabung Haji. Ini bermakna bahawa zakat simpanan pendeposit Tabung Haji adalah dibayar oleh Tabung Haji. Faktor-faktor tersebut adalah sangat baik kepada pendeposit Tabung Haji dan telah menjadi daya penarik yang kuat kepada umat Islam Malaysia dalam menggalakkan mereka menyimpan wang di Tabung Haji.

Selain daripada itu, melalui unit perniagaan dan pelaburannya, dengan bermodalkan wang simpanan pendeposit Tabung Haji, Lembaga Tabung Haji menjalankan perniagaan dan pelaburan. Keuntungan yang diperolehi melalui perniagaan dan pelaburan tersebut digunakan untuk memenuhi dan melaksanakan obligasi kewangan Tabung haji; memberi subsidi kos mengerjakan haji (membantu mengurangkan beban kewangan jemaah haji), memberi dividen (hibah) kepada pendeposit di Tabung Haji dan membayarkan zakat simpanan pendeposit Tabung Haji (manfaat kepada pendeposit) serta menampung kos pentadbiran, pengurusan dan operasi Tabung Haji. Justeru, bagi memenuhi obligasi kewangan tersebut, dari semasa ke semasa Tabung Haji menjalankan perniagaan dan pelaburan.

Bermula dengan hanya 1,281 orang pendeposit dengan jumlah simpanan RM46,610 pada tahun 1963, tahun penubuhannya, namun sehingga tahun 2017 Tabung Haji mempunyai pendeposit seramai 9.3 juta orang dengan jumlah simpanan sebanyak RM70.78 bilion<sup>3</sup>. Manakala sehingga tahun 2018, jumlah simpanan pendeposit Tabung Haji dikatakan mencecah sehingga RM73 bilion. Dengan simpanan pendeposit yang mencecah puluhan bilion ringgit, ianya merupakan sumber kewangan yang amat besar yang boleh digunakan oleh Tabung Haji untuk menjana pendapatan yang sangat lumayan. Melalui mandat yang

---

<sup>1</sup>Seksyen 4(1)(a),(b)&(c) Akta Tabung Haji 1995.

<sup>2</sup> Seksyen 24(1)&(2) Akta Tabung Haji 1995.

<sup>3</sup> Laporan Tahunan Lembaga Tabung Haji 2017.

dibenarkan oleh Akta Tabung Haji 1995, pihak Tabung Haji boleh menguruskan tadbir dana pendeposit tabung haji dalam perniagaan; dengan cara *partnership, joint venture*, atau *profit sharing* serta terlibat dalam pelaburan; dengan cara pembelian - penjualan saham dan sekuriti (*acquire and dispose of shares and securities*) syarikat-syarikat yang menguntungkan<sup>4</sup>.

### **Perakaunan kreatif dan urus tadbir kewangan Tabung Haji**

Di Malaysia, selain organisasi Felda Global Venture (FGV)<sup>5</sup>, perakaunan kreatif yang melibatkan *collusion, misstatement* dan *misleading* maklumat kewangan juga diaplikasikan oleh pihak pengurusan Lembaga Tabung Haji untuk jangka masa lebih daripada satu tahun kewangannya; dari tahun kewangan 2014 sehingga tahun kewangan 2017. Walaupun terdapat audit bebas (*external independend audit* dari firma audit Erns & Young) yang menjalankan kerja-kerja pengauditan kewangan Tabung Haji dari tahun 2014 sehingga tahun 2017, tetapi tiada kenyataan yang menyatakan bahawa terdapatnya amalan perakaunan kreatif yang melibatkan *collusion, misstatement* dan *misleading* maklumat kewangan di Tabung Haji dilaporkan dalam laporan audit bebas Erns & Young tersebut selama empat tahun berturut-turut.

Keadaan tersebut menimbulkan persoalan yang sangat kritikal kepada banyak pihak sama ada audit bebas tersebut benar-benar bebas (*independent*) dalam erti kata yang sebenarnya atau sebaliknya. Isu yang sangat kritikal tersebut perlu diberi perhatian dan tindakan yang sewajarnya oleh pihak-pihak yang berkenaan untuk mendapatkan kepastian, penjelasan dan kebertanggung jawaban audit bebas tersebut agar ianya tidak berulang lagi di Tabung Haji.

*Collusion* memang boleh berlaku di antara organisasi korporat dan firma audit yang menjalankan audit bebas ke atas organisasi korporat tersebut untuk melakukan *misstatement* dan *misleading* maklumat kewangan untuk satu jangka masa yang panjang. Komplot itu seperti satu bom jangka yang menanti masa untuk meledak dengan ledakan yang amat dahsyat pada bila-bila masa dan seterusnya boleh menghancurkan dan menenggelamkan organisasi korporat dan firma audit tersebut, seperti yang berlaku di antara Enron dan Arthur Anderson<sup>6</sup>. Tabung Haji sepatutnya semaksimum mungkin belajar dan mengambil iktibar dari *collusion* di antara Enron dan Arthur Anderson.

Pengamalan perakaunan kreatif berterusan selama empat tahun berturut-turut yang melibatkan *collusion, misstatement* dan *misleading* maklumat kewangan Tabung Haji yang hanya didedahkan oleh audit forensik oleh firma audit lain; Pricewaterhouse Cooper (PwC), yang dijalankan pada tahun 2019 ke atas laporan kewangan Tabung Haji tahun 2018, ketika Tabung Haji hendak mengagihkan dividen (hibah) tahun 2018 kepada pendepositnya. Kesenambungan amalan perakaunan kreatif Tabung Haji gagal untuk diteruskan pada tahun 2018 kerana berlaku audit forensik ke atas laporan kewangan Tabung Haji atas arahan

---

<sup>4</sup> Seksyen 4(3)(a)&(b) Akta Tabung Haji 1995.

<sup>5</sup> Sila baca kes-kes *misstatement* dan *misleading* maklumat kewangan yang berkaitan Grand Plaza Kensington UK, Pangsa Puri Service Grand Plaza UK, Eagle High Plantation Indonesia, KLVC, Dataran Aras, Felda Wellness dan Grand Borneo Hotel yang dilakukan oleh FIC dan FGV dan diterbitkan dalam laporan Kertas Putih FELDA di parlimen Malaysia pada 10 April 2019.

<sup>6</sup> Sila baca kes yang melibatkan *collusion* berkaitan *misstatement* dan *misleading* serta *fraudulent financial reporting* maklumat kewangan di antara Enron (konglomerat USA) dan Arthur Anderson (Big Five audit firm) yang menyebabkan kehancuran Enron dan Arthur Anderson. *Collusion* tersebut berjalan dan dapat bertahan selama tujuh tahun sebelum ianya terbongkar yang mana kesan dahsyatnya menyebabkan kedua-dua organisasi hebat tersebut bungkus dan gulung tikar. Tiada lagi kewujudan entiti Enron dan Arthur Anderson di muka bumi ini semenjak daripada terbongkarnya *collusion* di antara mereka.

pengurusan tertinggi Tabung Haji yang baru rentetan daripada pertukaran kerajaan yang memerintah Malaysia pada tahun 2018.

Sekiranya amalan *collusion* Tabung Haji tersebut berjalan berterusan, tanpa pendedahan audit forensik pada tahun 2019, dengan kedudukan kewangan Tabung Haji yang secara realitinya adalah tidak sihat semenjak tahun 2013, jika merujuk kepada kes Enron dan Arthur Anderson, berkemungkinan besar ianya tidak akan mengambil masa yang tidak lama untuk Tabung Haji mengalami nasib yang sama dengan Enron; bungkus dan gulung tikar. Adalah satu perkara yang amat tragis dan dahsyat sekiranya Tabung Haji, institusi pengurusan haji yang mempunyai dana simpanan pendeposit melebihi RM70 bilion gulung tikar. Ianya boleh menjadi satu malapetaka kewangan yang dahsyat (*crucial financial catastrophe*) untuk dekad ini.

Sekiranya Tabung Haji, sebuah institusi pengurusan haji yang mempunyai dana simpanan pendeposit melebihi RM70 bilion gulung tikar, ini boleh menyebabkan ketidaktentuan dan ketidakstabilan ekonomi yang kesannya melahirkan rasa panik dalam kalangan pelabur-pelabur asing di Malaysia. Keadaan ketidaktentuan dan ketidakstabilan ekonomi tersebut boleh menyebabkan pelabur asing yang panik menarik keluar dana pelaburan mereka di Malaysia secara besar-besaran dan melabur di negara-negara yang lebih aman dan stabil ekonominya. Jika perkara tersebut berlaku, ekonomi Malaysia akan menjadi semakin parah, bahkan implikasinya boleh menyebabkan Malaysia mengalami kejatuhan ekonomi; pertumbuhan ekonomi yang merudum (*declining economic growth*).

Mengurus tadbir dana simpanan pendeposit Tabung Haji berjumlah lebih RM70 bilion untuk menjana pulangan yang baik bagi memenuhi obligasi kewangannya merupakan satu amanah dan cabaran besar yang dihadapi oleh Tabung Haji. Ianya menuntut pihak pengurusan Tabung haji memiliki komitmen integriti yang tinggi; jujur (*truthfulness*), bertanggungjawab (*accountable*), cermat serta berhati-hati (*due-diligence*) dan telus (*transparent*), serta diiringi dengan strategi perniagaan dan pelaburan yang mantap dan mampan yang perlu dilaksanakan oleh Tabung Haji dalam mengurus tadbir jumlah dana pendeposit yang amat besar tersebut.

Justeru, adalah amat penting untuk memastikan dana pendeposit Tabung Haji yang melebihi RM70 bilion tersebut diurus dengan baik, efektif dan efisien. Implikasi tadbir urus yang efektif dan efisien ke atas dana pendeposit Tabung Haji sama ada untuk tujuan perniagaan atau pelaburan adalah untuk memastikan Tabung Haji sentiasa mencapai keuntungan dan pulangan yang baik dan mengelakkan sebarang kerugian. Keuntungan perniagaan dan pulangan pelaburan yang baik adalah amat signifikan untuk Tabung Haji memberi subsidi kos mengerjakan haji kepada jemaah haji, memberi hibah kepada pendepositnya, membayar zakat simpanan pendepositnya serta menampung kos pentadbiran dan operasi Tabung Haji; obligasi berterusan kewangan Tabung Haji.

Walau bagaimanapun, cabaran pihak pengurusan Tabung Haji untuk memiliki tahap komitmen integriti yang tinggi dalam mengurus dana pendeposit melebihi RM70 bilion tersebut menjadi lebih mencabar apabila urus tadbir organisasi Lembaga Tabung Haji hanya dikawal selia oleh Akta Tabung Haji 1995 sepenuhnya<sup>7</sup>. Seperti yang termaktub di dalam Akta Tabung Haji 1995, tiada klausa yang menyatakan bahawa Bank Negara Malaysia mempunyai kuasa untuk mengawal selia urus tadbir Tabung Haji. Ini bermakna wang simpanan pendeposit Tabung Haji yang berjumlah lebih RM70 bilion itu hanya dikawal, diurus dan ditadbir oleh pihak pengurusan Tabung Haji di bawah satu akta sahaja; Akta Tabung Haji 1995, tidak tertakluk kepada kawalan atau pemantauan secara berterusan oleh Bank Negara Malaysia.

---

<sup>7</sup> Akta Tabung Haji 1995.

Kawal selia Bank Negara Malaysia ke atas institusi kewangan adalah sangat penting dan sentiasa diperlukan secara berterusan pada setiap masa. Ianya adalah bagi memastikan tiada penyelewengan, penipuan, salah guna kuasa, konspirasi dan manipulasi maklumat kewangan serta aktiviti pengubahan wang haram (amalan-amalan tidak berintegriti) di institusi kewangan tersebut. Di samping itu, kawal selia Bank Negara Malaysia juga adalah untuk memastikan institusi kewangan tersebut beroperasi mengikut peraturan dan ketentuan yang telah ditetapkan di bawah akta institusi kewangan berkenaan. Sebagai contoh, walaupun institusi kewangan seperti bank perdagangan di Malaysia mempunyai akta perbankan yang perlu dipatuhi dalam setiap aktiviti dan operasinya, pada masa yang sama juga semua bank masih tertakluk dan terikat di bawah kawal selia Bank Negara Malaysia sepanjang masa. Dalam konteks ini, Bank Negara Malaysia bertindak sebagai pihak berautoriti<sup>8</sup> yang mempunyai kuasa untuk mengawal (*control*) dan memantau (*supervise*) bank tersebut.

Apabila tiada kawal selia oleh Bank Negara ke atas Tabung Haji, walaupun terdapat Akta Tabung Haji 1995 yang meregulasi urusan tadbir dan aktiviti Tabung Haji, tetapi hakikat sebenarnya Tabung Haji adalah sangat terdedah secara langsung kepada risiko berlakunya amalan urus tadbir tidak berintegriti dalam kalangan pihak pentadbirannya. Implikasinya, melainkan pihak pengurusan Tabung Haji memiliki integriti yang tinggi dalam semua urusan tadbirnya, Tabung Haji adalah sentiasa dalam keadaan terdedah kepada risiko yang sangat tinggi untuk pihak pengurusannya terlibat dengan amalan perakaunan kreatif yang menyumbang ke arah konspirasi (*collusion*), manipulasi dan eksploitasi yang menuju ke arah penyelewengan (*misstatement*) dan mengelirukan (*misleading*) maklumat kewangan.

Sehingga tahun 2013 urusan tadbir kewangan Tabung Haji adalah berada dalam keadaan yang sangat baik. Hanya pada tahun 2014, apabila berlakunya pelantikan orang politik sebagai ketua yang menerajui Tabung Haji<sup>9</sup>, di samping tiadanya kawal selia oleh Bank Negara ke atas Tabung Haji, walaupun Tabung Haji tetap mengekalkan visi dan misinya dalam hal-hal berkaitan urusan haji, tetapi Tabung Haji telah mula sedikit demi sedikit cenderung ke arah kepentingan *political mileage* demi *political survival* individu politik tersebut. Sebaik sahaja individu politik tersebut dilantik menerajui Tabung Haji, pelanggaran urusan korporat dan urusan tadbir kewangan (*corrupt financial arrangement*) Tabung Haji mula berlaku secara berturut-turut dari tahun 2014 sehingga tahun 2017.

Semenjak dari itu, Tabung Haji telah dilibatkan secara langsung dan secara sedar (*intentionally*) dengan amalan penyelewengan (*misstatement*) dan mengelirukan (*misleading*) maklumat kewangannya yang membawa Tabung Haji menuju ke arah jenayah penyalahgunaan kewangan (*misuse of financial provision*) dan kesalahan penipuan pelaporan kewangan (*fraudulent financial reporting*); kewangan korup terancang (*corrupt financial arrangement*). Ini adalah perkara-perkara yang tidak sepatutnya berlaku di Tabung Haji, sebuah institusi kewangan Islam yang seharusnya bersifat jujur, telus dan bertanggung jawab dalam segala segi, termasuklah semua hal yang berkaitan urusan tadbir kewangannya demi kepentingan umat Islam di Malaysia khasnya dan maruah umat Islam sedunia amnya.

Sebagai contoh, satu laporan polis telah dibuat oleh lembaga pengarah baharu Tabung Haji terhadap bekas pengerusinya dan empat ahli pengurusan tertinggi Tabung Haji. Laporan tersebut melibatkan program Yayasan Tabung Haji pada tahun 2017. Dana Yayasan Tabung Haji sebanyak RM22 juta dilaporkan telah disalahguna untuk aktiviti membantu golongan asnaf tetapi ianya berkecenderungan politik secara terbuka yang memberi manfaat politik kepada kerajaan pada masa itu. Ini merupakan penyalahgunaan institusi awam untuk kepentingan politik (*political mileage*) orang politik yang tidak bertanggungjawab. Program

---

<sup>8</sup> Autoriti BNM ke atas bank perdagangan, Akta Bank Pusat 2009.

<sup>9</sup> Pelantikan orang politik sebagai pengerusi Tabung Haji ada tahun 2014.

Yayasan Tabung Haji sepatutnya bebas daripada unsur politik yang sengaja dipolitikkan untuk manfaat orang politik.

Pengamalan perakaunan kreatif di Tabung Haji melibatkan manipulasi had ambang harga saham (*threshold of share prices*), penciptaan keuntungan palsu (*false profit earned*) dan merekodkan deposit simpanan sebagai rezab dalam kategori asset sedangkan hakikatnya ia adalah liabiliti. Tujuan utama perkara-perkara tersebut dilakukan adalah supaya Tabung Haji dapat menyembunyikan kerugian<sup>10</sup>, sebaliknya mengisytiharkan keuntungan dan seterusnya boleh membayar dividen (hibah) yang tinggi kepada pendepositnya setiap tahun. Dengan pengisytiharan keuntungan dan dividen yang tinggi setiap tahun, pihak pengurusan Tabung Haji dilihat sebagai satu pasukan pengurusan yang sangat cekap dan berkesan (*effective and efficient*) dalam mengurus pentadbiran dan kewangan Tabung Haji, sedangkan realitinya pengurusan Tabung Haji sedang mengamalkan perakaunan kreatif yang *misstatement* dan *misleading financial information*.

### **Manipulasi had ambang harga saham (*threshold of share prices*)**

Had ambang harga saham (*threshold of share prices*) merujuk kepada had peratusan penurunan harga saham yang dibeli (pemilikan saham) oleh sesebuah syarikat, yang boleh menentukan sama ada penurunan harga saham tersebut dianggap sebagai satu bentuk kerugian ataupun tidak. Had peratusan penurunan harga saham yang dibeli tersebut ada ditetapkan di dalam standard perakaunan. Sekiranya berlaku penurunan harga saham yang dimiliki tersebut melebihi sesuatu had yang telah ditetapkan oleh standard perakaunan, ini bermakna syarikat yang memiliki saham tersebut telah mengalami kerugian (kerugian di atas kertas) ke atas saham-saham yang dibelinya (dimilikinya). Standard pelaporan kewangan (*Financial Reporting Standard*) menyatakan bahawa, sesebuah syarikat harus mengisytiharkan kerugian dalam laporan kewangannya sekiranya nilai saham yang dibelinya (pemilikan sahamnya) mengalami kejatuhan nilai sebanyak 20 peratus atau lebih berbanding harga asal semasa pembelian saham tersebut secara berterusan dalam tempoh sembilan hingga 12 bulan.

Walau bagaimanapun, menurut laporan audit forensik oleh Pricewaterhouse Coopers (PwC), Tabung Haji sebelum ini menetapkan had ambang harga saham-saham yang dibelinya pada kadar 70 peratus untuk tempoh 24 bulan. Laporan audit forensik tersebut juga mendedahkan bahawa had ambang harga saham-saham itu telah diubah menjadi lebih tinggi oleh Tabung Haji sebanyak dua kali pada tahun 2017, daripada 70 peratus kepada 85 peratus dan kemudiannya daripada 85 peratus kepada 90 peratus; amalan perakaunan kreatif.

Pengamalan perakaunan kreatif tersebut telah melibatkan Tabung Haji;

- (1) tidak mematuhi had ambang harga saham yang telah ditetapkan oleh piawaian perakaunan.
- (2) tiada konsistensi (*inconsistency*) dalam polisis penetapan had ambang harga saham yang dimilikinya.

Rentetan daripada itu, Tabung Haji telah membuat dua pelanggaran yang sangat kritikal ke atas piawaian perakaunan. Implikasi pengamalan perakaunan kreatif oleh Tabung Haji tersebut telah dengan terang dan jelas bertentangan dan bercanggah dengan piawaian *Malaysian Financial Reporting Standards* (MFRS).

Menurut penemuan PwC, bilamana Tabung Haji menetapkan had ambangnya pada 70 peratus untuk tempoh 24 bulan, Tabung Haji sepatutnya mengisytiharkan kerugian sebanyak

---

<sup>10</sup> Menurut laporan Pricewaterhouse Coopers (PwC)

RM1.313 bilion ke atas saham-saham yang dimilikinya (pemilikan sahamnya) dalam laporan kewangannya. Manakala pada had ambang 85 peratus dan 90 peratus pula, kerugian yang sepatutnya diisytiharkan oleh Tabung Haji ialah masing-masing sebanyak RM171 juta dan hanya RM1 juta. PwC berpendapat tindakan menyembunyikan kerugian kesan daripada penurunan (penyusutan) harga saham-saham yang dimiliki Tabung Haji adalah dengan tujuan untuk menunjukkan bahawasanya Tabung Haji adalah menjana keuntungan, walaupun pada hakikatnya adalah Tabung Haji sedang mengalami kerugian.

PwC menjelaskan, jika standard perakaunan sebenar untuk had ambang harga saham yang dimiliki (pemilikan saham); had ambang 20 peratus untuk tempoh 12 bulan, digunapakai oleh Tabung Haji, maka jumlah kerugian sebenar Tabung Haji ke atas saham-saham yang dimilikinya (pemilikan sahamnya) pada tahun 2017 adalah sebanyak RM4.258 bilion. Menerusi semakan kewangan Tabung Haji tersebut, PwC mendedahkan kerugian RM4.258 bilion dalam bentuk penyusutan nilai saham dimiliki oleh Tabung Haji tersebut disembunyikan melalui amalan perakaunan kreatif di Tabung Haji; menukar had ambang harga saham yang dimiliki dariada 20 peratus untuk tempoh 9 hingga 12 bulan kepada 90 peratus untuk tempoh 24 bulan.

Menurut penemuan PwC lagi, pada tahun 2017, Tabung Haji sepatutnya mencatatkan kerugian keseluruhan sebanyak RM1.43 bilion namun ianya telah dicatatkan sebagai keuntungan RM3.41 bilion dalam laporan tahunan 2017 Tabung Haji. Laporan audit forensik oleh PwC mengesahkan bahawa laporan kewangan Tabung Haji telah dimanipulasi untuk menunjukkan bahawa status kewangan Tabung Haji adalah baik dan sihat. Oleh itu, Tabung Haji boleh membayar dividen kepada para pen depositnya dengan kadar dividen yang sangat menarik. Kebolehan Tabung Haji untuk membayar kadar dividen yang sangat menarik kepada para pen depositnya, secara langsung mencerminkan Tabung Haji adalah sebuah organisasi yang mampan serta kukuh kewangannya, di bawah teraju orang-orang yang hebat, cekap dan bertanggungjawab. Tanggapan yang sedemikianlah yang selalu didambakan oleh pihak pengurusan dan pentadbiran di mana-mana organisasi, tidak terkecuali di Tabung Haji.

Perakaunan kreatif yang diamalkan oleh Tabung Haji telah berjaya menyembunyikan kerugian yang dialami oleh Tabung Haji disebabkan penurunan (penyusutan) harga saham-saham yang dimilikinya dari tahun 2014 sehingga tahun 2017; perakaunan kreatif menutup kepincangan tadbir urus Tabung Haji. Sebaliknya, dengan perakaunan kreatif tersebut, Tabung Haji telah mengisytiharkan keuntungan untuk tahun kewangan 2014 sehingga tahun 2017.

### **Liabiliti mengatasi aset Tabung Haji**

Berdasarkan semakan PwC terhadap laporan kewangan Tabung Haji, sejak tahun 2014 sehingga tahun 2017 Tabung Haji sebenarnya mengalami defisit kewangan sebanyak RM4.1 bilion, iaitu jumlah liabilitinya sebanyak RM74.4 bilion adalah lebih besar daripada jumlah aset keseluruhan Tabung Haji yang berjumlah RM70.3 bilion.<sup>11</sup> Ianya bukan seperti mana yang didakwa oleh bekas pengerusi Tabung Haji (orang politik) apabila beliau mendakwa berdasarkan pengauditan yang dijalankan oleh juru audit bebas Earnings & Young (juru audit luar Tabung Haji), Tabung Haji mempunyai keseluruhan aset berjumlah RM74.7 bilion manakala jumlah keseluruhan liabiliti Tabung Haji ialah RM74.4 bilion pada penghujung tahun 2017. Justeru, menurut bekas pengerusi Tabung Haji tersebut, Tabung Haji mempunyai lebihan aset ke atas liabiliti sebanyak RM300 juta. Pengamalan perakaunan kreatif oleh Tabung Haji menunjukkan seolah-olah aset Tabung Haji lebih besar dariada liabilitinya, sedangkan pada realitinya, liabiliti Tabung Haji adalah lebih besar daripada asetnya.

---

<sup>11</sup> Laporan semakan (pengauditan) kedudukan kewangan Tabung Haji oleh PwC telah dibentangkan di Dewan Rakyat pada 10 Disember, 2018.

Di antara punca yang menyebabkan situasi liabiliti Tabung Haji menjadi lebih besar daripada asetnya ialah keuntungan Tabung Haji daripada operasi perniagaannya, termasuk seluruh anak-anak syarikat serta syarikat bersekutu, pelaburannya dan hartanah, tidak mencukupi untuk mendahului liabiliti Tabung Haji. Selain daripada itu, ekoran penurunan harga saham yang menjunam ke atas sebahagian besar saham yang dimiliki Tabung Haji serta keuntungan yang kecil daripada sebahagian kecil saham yang dimiliki Tabung Haji kerana pasaran saham yang tidak memberangsangkan, telah menyumbang dengan sangat signifikan kepada situasi apabila liabiliti Tabung Haji adalah lebih besar daripada asetnya.

Sebagai contoh, saham Felda Global Ventures (FGV) yang dimiliki Tabung Haji, dahulunya bernilai RM4.40 sesaham, telah jatuh kepada RM0.93 sesaham. Syarikat yang 99.75 peratus dimiliki Tabung Haji; TH Heavy Engineering Bhd, sahamnya telah menjunam daripada RM0.90 pada 2014 kepada RM0.04 sesaham pada 4 Januari 2019. Secara keseluruhannya, terdapat lebih 100 syarikat pegangan saham Tabung Haji yang jatuh teruk dan kekal jatuh melebihi 20 peratus berbanding harga belian.

Selain daripada itu, pegangan saham Tabung Haji yang jatuh nilainya semenjak tiga tahun lepas adalah UEM Sunrise Bhd, Boustead Heavy Industries Corp Bhd, Alam Maritim Resources Bhd, Mah Sing Group Bhd, UEM Sunrise Bhd, Brahim's Holdings Bhd, Puncak Niaga Holdings Bhd, Parkson Holdings Bhd, White Horse Bhd, MCT Bhd, MMC Corp Bhd, Suria Capital Holdings Bhd, Axiata Group Bhd, Malaysia Marine & Heavy Engineering Holdings Bhd. Pegangan saham syarikat-syarikat tersebut oleh Tabung Haji mengalami kemerosotan nilai pada kadar 20 peratus hingga 93.5 peratus dan ia kekal begitu selama tiga tahun. Sudah tentu satu jangka masa yang lama diperlukan untuk harga semua saham-saham lebih 100 syarikat tersebut kembali kepada harga asal seperti semasa pembeliannya oleh Tabung Haji.

Semakan audit forensik oleh PwC telah dengan jelas mendedahkan bahawa, semenjak tahun 2014 sehingga tahun 2017; empat tahun berturut-turut, kedudukan kewangan Tabung Haji adalah dalam keadaan di mana;

- (1) Tabung Haji mengalami kerugian, terutamanya disebabkan oleh rosot nilai yang sangat besar ke atas harga saham-saham syarikat yang dimiliki oleh Tabung Haji.
- (2) Jumlah liabiliti Tabung Haji lebih besar daripada jumlah aset yang dimilikinya.

Akta Tabung Haji 1995<sup>12</sup> jelas tidak membenarkan pengagihan hibah (dividen) kepada simpanan pendepositnya apabila Tabung Haji mengalami kerugian dan jumlah liabiliti lebih besar daripada asetnya. Walaupun begitu, Tabung Haji telah memberi hibah yang agak tinggi; pada kadar 6.25 peratus hingga 8.25 peratus sejak tahun 2014 hingga tahun 2017. Ini bermakna Tabung Haji telah secara konsisten selama empat tahun berturut-turut melanggar Akta Tabung Haji 1995.

Pada tahun 2015, Gabenor Bank Negara Malaysia pada masa itu, Tan Sri Dr. Zeti Akhtar Aziz, telah mengeluarkan surat amaran kepada pengurusan Tabung Haji dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri ketika itu dengan menyatakan bahawa Tabung Haji mempunyai liabiliti lebih besar berbanding asetnya. Dalam surat amaran tersebut, Gabenor Bank Negara memberi peringatan bahawa Tabung Haji tidak lagi boleh membayar hibah kepada pendepositnya kerana jumlah liabilitinya melebihi jumlah asetnya. Pada masa tersebut (tahun 2015) kadar nisbah liabiliti ke atas aset Tabung Haji ialah RM1 liabiliti bagi setiap RM0.98 asetnya. Namun bukan sahaja peringatan Gabenor Bank Negara tersebut tidak dihiraukan oleh pihak pengurusan Tabung Haji, bahkan peringatan tersebut telah disanggah oleh Tabung Haji.

---

<sup>12</sup> Seksyen 22, Akta Tabung Haji 1995.



Perakaunan kreatif yang diamalkan oleh Tabung Haji telah menunjukkan seolah-olah jumlah aset badan berkanun tersebut lebih besar daripada jumlah liabilitinya sebanyak RM300 juta. Pengamalan perakaunan kreatif tersebut membolehkan Tabung Haji mengisytiharkan hibah (dividen) kepada pendepositnya untuk tahun kewangan 2014 sehingga tahun 2017. Akan tetapi hakikat sebenarnya, Tabung Haji mengalami defisit kewangan iaitu jumlah liabiliti Tabung Haji lebih besar daripada jumlah asetnya dengan perbezaan RM4.1 bilion dari tahun kewangan 2014 sehingga tahun kewangan 2017.

### **Penciptaan keuntungan palsu (*false business profit earned formulation*)**

Keuntungan palsu boleh dijana melalui aktiviti penjualan dan pembelian semula saham-saham yang sama yang dimiliki oleh sesebuah organisasi perniagaan (*contra trading*). Selepas satu jangka masa tertentu, saham-saham yang dijual tersebut dibeli kembali oleh organisasi perniagaan tersebut (*re-purchase of shares or share buy-back*) dengan harga yang lebih rendah dari harga ketika saham-saham tersebut dijual. Objektif utama aktiviti *contra trading* ke atas saham-saham yang dimiliki oleh sesebuah organisasi perniagaan adalah untuk menunjukkan seolah-olah organisasi perniagaan tersebut menghasilkan keuntungan daripada aktiviti operasi perniagaannya. Keuntungan yang diperolehi hasil daripada aktiviti *contra trading* boleh;

- (1) meningkatkan keuntungan (menjadikan keuntungan lebih besar) bagi sesebuah organisasi perniagaan yang mempunyai keuntungan yang kecil untuk sesuatu tahun kewangannya.
- (2) menjadikan sesebuah organisasi perniagaan yang mengalami kerugian daripada aktiviti operasi perniagaannya menjadi sesebuah organisasi perniagaan yang untung.

Sedangkan pada realitinya, keuntungan yang diperolehi hasil daripada penjualan pemilikan saham-saham tersebut merupakan keuntungan modal (*capital gain*), bukan keuntungan perniagaan (*business profit*). Contoh-contoh lain *capital gain* dalam sesuatu perniagaan antaranya ialah keuntungan hasil daripada penjualan aset syarikat seperti keuntungan yang diperolehi daripada penjualan premis, tanah, kenderaan syarikat dan sebagainya.

Perakaunan kreatif *contra trading* yang diamalkan oleh Tabung Haji telah menunjukkan seolah-olah badan berkanun tersebut menjana keuntungan daripada operasi perniagaannya. Namun begitu, sebenarnya Tabung Haji mendapat sejumlah keuntungan daripada penjualan saham-saham yang dimilikinya (*capital gain*) dan direkodkan sebagai keuntungan perniagaan (*business profit*) dalam laporan kewangannya. Sekiranya *capital gain* tersebut dikeluarkan daripada keuntungan perniagaan Tabung Haji, berkemungkinan besar keuntungan perniagaan Tabung Haji akan menjadi lebih kecil, atau lebih malang lagi Tabung Haji sebenarnya boleh jadi mengalami kerugian perniagaan (*business loss*).

Objektif utama amalan *contra trading* adalah untuk menutup sebarang kelemahan pihak pengurusan yang mungkin berlaku rentetan daripada keuntungan yang diperolehi Tabung Haji adalah kecil atau berkemungkinan Tabung Haji mengalami kerugian perniagaan. Sebaliknya *capital gain* yang diperolehi daripada *contra trading* tersebut dimasukkan ke dalam *business profit*, ianya menunjukkan pihak pengurusan Tabung Haji dilihat sebagai cekap serta bijak dalam menguruskan dana pendeposit Tabung Haji yang berjumlah lebih RM70 bilion. Kesannya, pengamalan perakaunan kreatif *contra trading* tersebut menunjukkan Tabung Haji seolah-olahnya menjana keuntungan. Oleh yang demikian, ianya membolehkan Tabung Haji mengisytiharkan hibah (dividen) kepada pendepositnya.

Sebagai contoh, melalui amalan perakaunan kreatif *re-purchase of shares or shares buy-back*, menurut laporan PwC, Tabung Haji telah menjual saham Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB) yang dimiliki oleh Tabung Haji dengan harga RM2.551 bilion untuk mendapatkan keuntungan RM553 juta (*capital gain*). *Capital gain* tersebut telah direkodkan

sebagai *business profit* Tabung Haji. Walau bagaimanapun, saham-saham BIMB yang dijual oleh Tabung Haji tersebut telah dibeli semula oleh Tabung Haji empat hari kemudiannya pada harga yang sama dengan harga jualannya beserta penambahan kos upah yuran pembrokeran (*brokerage fee cost*) sebanyak RM36 juta kepada broker untuk urusan pembelian semula saham-saham BIMB tersebut.

Oleh yang demikian, Tabung Haji telah berjaya dalam penciptaan keuntungan palsu (*false business profit earned formulation*) sebanyak RM553 juta melalui *contra trading*. Walaupun pada hakikatnya Tabung Haji menanggung kerugian kerana terpaksa membayar kos upah pembrokeran sehingga RM36 juta. Keuntungan RM553 juta yang diperolehi hasil daripada aktiviti perakaunan kreatif *contra trading* tersebut telah menjadikan Tabung Haji, sebuah organisasi yang mengalami kerugian, telah bertukar menjadi sebuah organisasi yang menjana keuntungan. Justeru, menurut laporan PwC, penjualan saham Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB) yang dimiliki oleh Tabung Haji dengan harga RM2.551 bilion itu tidak memberikan sebarang faedah tunai kepada Tabung Haji, sebaliknya hanya menaikkan keuntungan di atas kertas untuk tahun kewangan 2017 Tabung Haji sebanyak RM553 juta.

Keuntungan RM553 juta tersebut walaupun direkodkan di dalam akaun Tabung Haji, tetapi realitinya Tabung Haji tidak memiliki tunai keuntungan RM553 juta tersebut kerana keuntungan tersebut hanyalah merupakan keuntungan di atas kertas. Amalan penciptaan keuntungan palsu (*false business profit earned formulation*) melalui *contra trading* dengan tujuan pembayaran dividen (hibah), sedangkan pada hakikatnya Tabung Haji mengalami kerugian, adalah perbuatan yang melanggar Akta Tabung Haji di samping mededahkan Tabung Haji kepada risiko kerugian jangka panjang dengan menutup kelemahan serta penyelewengan pengurusannya untuk satu jangka masa yang lama sekiranya tidak dihentikan.

### **Dividen dibayar menggunakan wang simpanan pendeposit**

Amalan biasa syarikat-syarikat atau sebarang organisasi perniagaan berkaitan pengisytiharan dan pembayaran dividen ialah<sup>13</sup>;

- (1) dividen hanya diisytiharkan apabila syarikat mempunyai keuntungan perniagaan untuk sesuatu tahun kewangan.
- (2) dividen dibayar menggunakan keuntungan perniagaan tersebut.
- (3) dividen tidak diisytiharkan dan tidak dibayar sekiranya syarikat mengalami kerugian.

Sebaliknya, perakaunan kreatif berupaya untuk mempraktikkan amalan pengisytiharan dan pembayaran dividen sesuatu organisasi perniagaan walaupun organisasi perniagaan tersebut mengalami kerugian.

Rentetan daripada penciptaan keuntungan palsu (*false business profit earned formulation*) oleh Tabung Haji, yang pada hakikatnya ianya merupakan keuntungan di atas kertas, menurut PwC, Tabung Haji kemudiannya telah mengisytiharkan dan membayar dividen kepada para pendepositnya bagi tahun kewangan 2017. Untuk menampung keuntungan di atas kertas, apabila tiada tunai yang dimiliki daripada untung di atas kertas tersebut, maka wang simpanan pendeposit Tabung Haji, bukan wang dari keuntungan tahun 2017, telah digunakan oleh Tabung Haji untuk membayar dividen kepada para pendepositnya.

Dengan yang demikian, maka amalan perakaunan kreatif penciptaan keuntungan palsu (*false business profit earned formulation*) telah diteruskan lagi kepada amalan perakaunan kreatif pengisytiharan dan pembayaran dividen menggunakan wang simpanan pendeposit, menjadikan amalan perakaunan kreatif Tabung Haji amat lengkap, sempurna dan menyeluruh (*comprehensive*). PwC dalam laporannya menyebut, senario tersebut hanya membuatkan pembayaran hibah Tabung Haji kepada pendepositnya didanai oleh wang tunai

---

<sup>13</sup> Seperti yang terkandung di dalam Akta Syarikat 2016.

daripada dana simpanan pendepositnya, bukannya daripada keuntungan perniagaannya (*business profit*) Tabung Haji.

### **Langkah menyelamatkan Tabung Haji**

Laporan PwC mendedahkan, sehingga tahun kewangan 2017, Tabung Haji mengalami defisit kewangan (liabiliti lebih besar dari aset) sebanyak RM4.1 bilion, iaitu keseluruhan aset Tabung Haji ialah berjumlah RM70.3 bilion berbanding jumlah keseluruhan liabiliti Tabung Haji berjumlah RM74.4 bilion. Menurut PwC lagi, kerugian Tabung Haji untuk tahun kewangan 2017 ialah sebanyak RM1.43 bilion. Antara penyumbang terbesar untuk kerugian Tabung Haji untuk tahun kewangan 2017 ialah kerugian pelaburan Tabung Haji dalam FGV sebanyak RM1.1 bilion. Walaupun demikian Tabung Haji masih lagi mengisytiharkan dan membayar dividen kepada pendepositnya dengan kadar 6.25% yang bernilai RM2.7 bilion.

Untuk tahun kewangan 2018 pula, PwC seterusnya menjelaskan bahawa Tabung Haji sebenarnya mengalami kerugian RM10.2 bilion, iaitu pelaburan aset, hartanah dan pemilikan saham yang dibeli oleh Tabung Haji dengan keseluruhan kos RM19.9 bilion, hanya bernilai RM9.7 bilion pada 31 Disember 2018. Kerugian RM10.2 bilion adalah satu amaun kerugian yang sangat besar. Ianya merupakan suatu tragedi yang amat menyedihkan dan mengecewakan semua pendeposit Tabung Haji khususnya dan keseluruhan umat Islam Malaysia amnya.

Antara langkah-langkah utama yang diambil oleh pihak pengurusan Tabung Haji yang baru ialah;

- (1) memindahkan aset tidak bermanfaat Tabung Haji ke Syarikat Tujuan Khas (*Secial purose vehicle* – SPV).
- (2) meletakkan Tabung Haji di bawah pengawasan Bank Negara Malaysia (BNM).

Langkah-langkah tersebut merupakan pelan pemulihan utama yang telah diputuskan oleh pihak pengurusan Tabung Haji yang dilantik pada bulan Julai 2018, untuk mengembalikan Tabung Haji ke landasan urus tadbir yang betul dan seterusnya memulihkan kewangan Tabung Haji.

### **Pemindahan aset kurang berdaya saing Tabung Haji ke SPV-UJSB**

Sehingga berakhirnya tahun kewangan 2018, Tabung Haji memiliki aset dalam bentuk hartanah dan ekuiti (pemilikan saham) yang tidak menguntungkan (aset tidak berdaya saing atau aset tidak berprestasi baik) bernilai lebih RM 19.9 billion iaitu nilai buku bersih semasanya (*net book value*) hanya sekitar RM10 bilion. Aset yang tidak menguntungkan bernilai RM19.9 bilion tersebut jika kekal berada di Tabung Haji akan menyebabkan Tabung Haji mengalami kerugian di atas kertas dan hanya akan menyebabkan kedudukan kewangan (*financial position*) Tabung Haji menjadi tidak sihat untuk satu jangka masa yang lama.

Melalui perbincangan yang terperinci, lembaga pengarah Tabung Haji dengan kerjasama dan persetujuan Kementerian Kewangan Malaysia serta kelulusan kabinet Malaysia, sebuah syarikat tujuan khas (Special Purose Vehicle - SPV) bernama Urus Harta Jemaah Sdn Bhd (UJSB) telah ditubuhkan. UJSB ini berada di bawah Kementerian Kewangan Malaysia; syarikat milik penuh kerajaan, dan ditadbir sepenuhnya oleh orang Islam iaitu semua ahli lembaga pengarahnya terdiri daripada orang Islam. UJSB ditubuhkan dengan objektif utamanya untuk mengambil alih, memulihkan dan memaksimumkan aset-aset yang tidak menguntungkan Tabung Haji. Oleh yang demikian, Tabung Haji telah memindahkan aset tidak menguntungkannya berjumlah RM19.9 bilion dengan nilai buku bersih RM10 bilion tersebut kepada UJSB untuk diuruskan dengan sebaiknya untuk tempoh tujuh tahun supaya nilai buku bersihnya kembali menjadi RM19.9 bilion.

Aset tidak menguntungkan Tabung Haji yang dipindahkan ke UJSB dikenal pasti melalui dua kriteria;

- (1) untuk hartanah, ia membabitkan hartanah yang memberikan hasil kurang dua peratus.
- (2) untuk ekuiti (pemilikan saham) ia melibatkan saham-saham yang dimiliki Tabung Haji yang nilainya sudah menyusut sebanyak 20 peratus.

Hartanah tidak menguntungkan Tabung Haji yang dipindahkan ke UJSB ialah pada harga pasaran semasa (*current market value*) manakala ekuiti (pemilikan saham) tidak menguntungkan Tabung Haji yang dipindahkan ke UJSB pula ialah pada nilai asal ketika Tabung Haji membelinya walaupun saham-saham tersebut telah mengalami penyusutan harga pada akhir tahun 2018. Sebagai contoh, tanah Tabung Haji di Tun Razak Exchange telah dipindahkan kepada UJSB pada nilai RM400 juta dengan premium sebanyak RM204 juta berbanding kos asalnya pembeliannya iaitu RM196 juta. Manakala saham FGV yang dimiliki Tabung Haji pula telah dipindahkan kepada UJSB pada nilai RM4.62 sesaham, iaitu harga kos asal ketika Tabung Haji membeli saham FGV tersebut pada tahun 2014, berbanding harga pasaran semasa pada hujung tahun 2018 iaitu hanya 72 sen sesaham.

Secara keseluruhannya, pemindahan aset tidak menguntungkan Tabung Haji kepada UJSB merangkumi 29 hartanah, 106 aset sekuriti domestik dan satu syarikat tak tersenarai. Pihak UJSB menerima pemindahan aset tidak menguntungkan Tabung Haji dengan nilai RM19.9 bilion, hampir sekali ganda berbanding nilai buku sebenar aset berkenaan yang hanya RM10 bilion. Pemindahan aset tidak menguntungkan Tabung Haji RM10 bilion kepada UJSB dengan nilai RM19.9 bilion telah melonjakkan jumlah keseluruhan aset Tabung Haji pada nilai RM76.5 bilion mengatasi jumlah keseluruhan liabilitinya sebanyak RM75.5 bilion sehingga 31 Disember 2018. Oleh itu, jumlah keseluruhan aset Tabung Haji adalah melebihi jumlah keseluruhan liabilitinya sebanyak RM1 bilion pada 31 Disember 2018. Ini telah mengeluarkan Tabung Haji daripada mengalami defisit kewangan RM4.1 bilion sebelumnya.

Sebagai pertukaran ke atas pemindahan aset Tabung Haji bernilai RM19.9 bilion tersebut kepada UJSB, pihak UJSB akan mengeluarkan kepada Tabung Haji;

- (1) sukuk tujuh tahun bernilai RM10 bilion.
- (2) saham keutamaan boleh tebus Islamik (RCPS-*i*) bernilai RM9.9 bilion.

Transaksi pemindahan aset Tabung Haji kepada UJSB adalah untuk;

- (1) memulihkan dan menstabilkan kedudukan kewangan Tabung Haji; supaya nisbah aset melebihi nilai liabilitinya dan mengelakkan daripada mengalami kerugian berterusan.
- (2) menjaga kepentingan pendepositnya; supaya Tabung Haji boleh membayar hibah ke atas simpanan kira-kira 9.3 juta pendepositnya.

Dengan memindahkan aset tidak menguntungkan Tabung Haji dengan pegangan sukuk dan saham keutamaan boleh tebus Islamik (RCPS-*i*) dari UJSB yang mewakili kerajaan Malaysia, ianya merupakan tindakan yang bijak untuk menyelamatkan kewangan Tabung Haji. Keseluruhan sukuk dan RCPS-*i* yang bakal dipegang oleh Tabung Haji bakal menyaksikan ia memasuki buku Tabung Haji sebagai aset *receivable* bernilai RM 19.9 billion. Oleh yang demikian, sukuk dan RCPS-*i* tersebut telah meningkatkan jumlah aset Tabung Haji dan pada masa yang sama melepaskan sejumlah besar aset tidak menguntungkan kepada UJSB. Kesannya, Tabung Haji mempunyai lebihan aset berbanding liabilitinya dalam masa terdekat.

Di samping itu juga, pegangan Sukuk RM10 bilion bertempoh matang tujuh tahun akan memberikan jangkakan pulangan sebanyak lima peratus setahun kepada Tabung Haji

berbanding menanggung aset tidak menguntungkan sedia ada yang tidak memberikan apa-apa pulangan kepada Tabung Haji. Memiliki aset tidak menguntungkan untuk satu jangka masa panjang hanya akan memburukkan lagi penyusutan nilai (*impairment loss*) aset tersebut yang kesannya boleh meningkatkan lagi tahap liabiliti Tabung Haji. Walaupun RCPS-*i* yang bernilai RM 9.9 bilion tiada tarikh matang dan tiada dividen tetapi ianya sentiasa terbuka untuk ditebus kembali oleh Tabung Haji pada bila-bila masa yang difikirkan sesuai.

Maka proses pemindahan aset kepada UJSB tersebut membolehkan TH meningkatkan jumlah keseluruhan asetnya serta melupuskan aset tidak menguntungkan yang telah menyebabkan peningkatan liabilitinya. Tanpa proses tersebut, Tabung Haji dijangka akan berterusan mengalami kerugian serta defisit kewangan untuk sekurang-kurangnya lima tahun akan datang. Ini adalah kerana saham-saham pemilikan Tabung Haji yang mengalami penyusutan harga yang sangat besar dijangka tidak akan pulih dalam masa dua hingga empat tahun untuk kembali semula ke paras harga belian ataupun melebihinya. Sebagai contoh, saham FGV yang dahulunya dibeli oleh Tabung Haji dengan harga RM4.40 seunit telah jatuh kepada 93 sen pada 31 Disember 2018. Manakala saham TH Heavy Engineering Bhd, harganya telah menjunam daripada RM0.90 seunit pada 2014 kepada hanya RM0.04 pada 4 Januari 2019.

### **Meletakkan Tabung Haji di bawah pengawasan Bank Negara Malaysia**

Kerajaan Malaysia berpendapat, disebabkan oleh tiadanya pemantauan oleh BNM, maka berlakulah salah guna kuasa dan penyelewengan urusan kewangan melalui amalan perakaunan kreatif di kalangan pihak pengurusan lama Tabung Haji dari tahun kewangan 2014 sehingga tahun kewangan 2017. Oleh yang demikian, kerajaan Malaysia memutuskan untuk meletakkan Tabung Haji di bawah kawal selia Bank Negara Malaysia (BNM) bermula pada 1 Januari 2019, bagi membantu Tabung Haji memulihkan keadaan kewangannya melalui pelan jangka masa panjang yang telah dirancang dengan lebih mampan. Meletakan Tabung Haji di bawah selian Bank Negara merupakan satu inisiatif untuk meningkatkan daya saing, integriti dan ketelusan, malah mengukuhkan kewangan Tabung Haji.

Bank Negara merupakan sebuah institusi kewangan pusat yang amat bertanggungjawab, professional dan mempunyai pengalaman yang lama dalam meregulasi, memantau dan memastikan keutuhan sesebuah institusi kewangan yang beroperasi di Malaysia. Lantaran itu, Bank Negara sangat berpengalaman sejak sekian lama dalam mengawal selia seluruh institusi kewangan iaitu bank, insuran dan takaful. Di samping itu juga, dalam melaksanakan tugasnya, Bank Negara melangkaui politik kepartian di samping mempunyai Majlis Penasihat Syariahnya sendiri. Fungsi kawal selia Bank Negara ke atas institusi kewangan bank, insuran dan takaful, berdasarkan Akta Bank Pusat 2009, merangkumi penyeliaan ke atas;

- (1) Amalan perniagaan adil, bertanggungjawab dan professional.
- (2) Dasar berhemah, pengurus dan penyeliaan risiko.
- (3) Peralatan untuk pengurusan krisis dan pencegahan.
- (4) Rangkaian keselamatan kewangan.
- (5) Pasaran kewangan yang teratur.
- (6) Patuh syariah.

Dengan mempraktikkan kawal selia Bank Negara ke atas Tabung Haji sepertimana Bank Negara mengawal selia institusi kewangan bank, insuran dan takaful, maka kawal selia Bank Negara bakal memastikan;

- (1) Tiada, atau sekurang-kurangnya meminimumkan isu salah tadbir urus daripada berlaku pada masa akan datang, khususnya yang melibatkan kepentingan politik kepartian di Tabung Haji.

- (2) Sebarang perubahan polisi tertentu yang menyalahi amalan pentadbiran kewangan yang baik dan perakaunan yang betul akan dapat dikesan dengan cepat.
- (3) Pengurusan risiko yang kemas dan lebih ketat dalam mengawal pelaburan Tabung Haji supaya Tabung Haji tidak terlibat dengan pelaburan berisiko tinggi.
- (4) Sekiranya terdapat sebarang salah-laku, ianya akan dapat dihidu lebih awal dan langkah mengatasinya dapat dilakukan dengan segera.

Namun begitu, kawal selia Bank Negara ke atas Tabung Haji bukan bermakna pengurusan Tabung Haji akan ditadbir oleh Bank Negara. Ini kerana tiada dalam seksyen di bawah Akta Tabung Haji 1995 yang menyatakan bahawa pengurusan Tabung Haji perlu berada di bawah pentadbiran Bank Negara. Semua keputusan pengurusan dan pentadbiran Tabung Haji masih akan tetap dibuat dan diputuskan oleh pihak Lembaga Pengarah Tabung Haji sebagaimana diperuntukkan oleh Akta Tabung Haji 1995. Lembaga Pengarah Tabung Haji adalah pihak yang akan menentukan hala tuju dan strategi Tabung Haji. Merekalah juga yang mempunyai kuasa untuk memastikan pelaksanaan hala tuju dan strategi Tabung Haji tersebut bersama pengurusan kanan Tabung Haji, bukannya Bank Negara.

Oleh yang demikian, Tabung Haji tetap berada di bawah kuasa langsung Menteri Hal-Ehwal Agama dan Perdana Menteri, bukannya Bank Negara atau Kementerian Kewangan. BNM hanya bertindak mengawal selia (memantau) perjalanan urus tadbir Tabung Haji tidak melencong atau terkeluar dari landasan yang dibenarkan serta tidak terlibat dengan perkara-perkara yang bercanggah atau tidak termaktub di bawah Akta Tabung Haji 1995. Oleh itu, meletakkan Tabung Haji di bawah kawal selia Bank Negara adalah satu langkah yang sangat bijak untuk memastikan kelangsungan Tabung Haji yang lebih cemerlang di masa hadapan.

## **KESIMPULAN**

Perbincangan kertas kajian ini diharap dapat menjadi teladan yang baik kepada semua organisasi perniagaan tentang implikasi pengamalan perakaunan kreatif yang tidak beretika. dan diharapkan tidak akan terlibat dengan pengamalan perakaunan kreatif.

### **Nota**

Kertas kajian ini banyak merujuk kepada;

1. Artikel-artikel Dr. Zaharuddin Abd Rahman, Prof Adjung Unisel berkaitan amalan perakaunan kreatif di Lembaga Tabung Haji Malaysia.
2. Ucapan di parlimen dan sidang media oleh Dr. Mujahid Yusof Rawa, Menteri Hal-Ehwal Agama berkaitan isu Lembaga Tabung Haji Malaysia.
3. Sidang media oleh Zukri Samad, CEO Tabung Haji berkaitan isu Lembaga Tabung Haji.

**Rujukan**

- Branka R., Ivana K. & Ivo M. (2018). Creative accounting – Motives, techniques and possibilities of prevention. *Journal of Econviews*. pp. 193-198.
- Essien E.A. & Ntiedo J.U. (2018). The influence of creative accounting on the credibility of accounting reports. *Journal of Financial Reporting and Accounting*. Vol. 16. Issue: 2. pp.292-310.
- Shahid, M., & Ali, H. (2016). Influence of Creative Accounting on Reliability and Objectivity of Financial Reporting. *Journal of Accounting and Finance in Emerging Economies*. Vol. 2. No. 2. pp.75-82.
- Rabin.C.E. (2005). Determinants of auditors' attitudes towards creative accounting. *Meditari Accountancy Research*. Vol. 13. Issue: 2. pp.67-88.